

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 23
SURAT

Ekonomi Malaysia berisiko perlahan separuh kedua

Tarif AS

Ekonomi Malaysia berisiko perlahan separuh kedua



Ekonomi Malaysia berdepan risiko besar pada separuh kedua tahun ini berikutan pengenalan tarif baharu sebanyak 19 peratus oleh Amerika Syarikat (AS) ke atas barangan eksport negara, yang berkuat kuasa mulai Ogos 2025.

Menurut laporan ekonomi oleh TA Securities, ancaman ini sudah memberi kesan besar, seperti yang dilihat pada prestasi eksport bersih negara yang menjunam sebanyak 72.6 peratus pada suku kedua 2025.

Analisis unjuran menunjukkan bahawa tarif 19 peratus ini berpotensi memperlahankan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sehingga paras 4.0 peratus.

Kebimbangan pasaran semakin memuncak dengan isyarat terba-

haru daripada Presiden Donald Trump yang mungkin akan mengenakan levi tambahan ke atas produk semikonduktor, satu langkah yang boleh menjejaskan lagi sektor eksport utama negara.

Namun, di sebalik tekanan luaran yang hebat ini, ekonomi Malaysia masih mempamerkan daya tahan yang mengagumkan.

Negara berjaya mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.4 peratus pada suku kedua 2025, menyamai kadar yang dicatatkan pada suku pertama.

Kekuatan ini dipacu sepenuhnya oleh Permintaan Domestik Agregat (ADD), yang merangkumi perbelanjaan dan pelaburan dalam negara.

Perbelanjaan penggunaan swasta, atau perbelanjaan isi rumah,

meningkat sebanyak 5.3 peratus, disokong oleh pasaran buruh yang stabil, kenaikan gaji median, dan program bantuan kerajaan seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Sebagai langkah proaktif untuk melindungi ekonomi, Bank Negara Malaysia (BNM) menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus bagi merangsang aktiviti ekonomi.

Dari segi prestasi mengikut sektor, gambaran yang ditunjukkan adalah bercampur-campur. Sektor pembinaan terus cemerlang dengan pertumbuhan kukuh 12.1 peratus, manakala sektor pertanian memberi kejutan positif dengan berkembang sebanyak 2.1 peratus. Bagaimanapun, sektor perlombo-

ngan masih menguncup pada kadar -5.2 peratus disebabkan aktiviti penyenggaraan.

Meskipun berdepan risiko luar, TA Securities mengekalkan unjuran pertumbuhan KDNK setahun penuh 2025 pada kadar 4.4 peratus.

Bagaimanapun, unjuran komponennya sudah disemak semula, dengan jangkaan perbelanjaan swasta yang lebih kukuh (unjuran dinaikkan kepada 5.7 peratus), tetapi pertumbuhan eksport yang lebih perlahan (unjuran diturunkan kepada 1.7 peratus).

Ini menggariskan betapa pentingnya perbelanjaan domestik sebagai benteng utama dalam mengharungi cabaran ekonomi global semasa.

CS Scanned with CamScanner